

## KENYATAAN MEDIA

**INSTITUT PENYELIDIKAN KESELAMATAN JALAN RAYA MALAYSIA**

**“BE FRUITFUL AND SAFE” : MIROS TERAPKAN MESEJ KESELAMATAN  
JALAN RAYA MENERUSI VIDEO PESANAN KHIDMAT MASYARAKAT (PSA)  
SEMPENA TAHUN BARU CINA**

---

**KAJANG, 10 FEBRUARI 2021** – Sambutan Tahun Baru Cina bakal diraikan tidak lama lagi dan pastinya sambutan pada tahun ini akan berbeza berbanding pada tahun-tahun sebelumnya yang mana masyarakat perlu menyambutnya secara sederhana dengan mengamalkan pembudayaan norma baharu akibat penularan pandemik COVID-19.

Sempena sambutan Tahun Baru Cina, Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) dengan kerjasama Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) dan Babylab melancarkan satu video Pesanan Khidmat Masyarakat (PSA) yang bertujuan untuk meraikan perayaan ini di samping memberi kesedaran kepada rakyat Malaysia agar sentiasa mematuhi peraturan jalan raya dan Prosedur Operasi Standard (SOP) COVID-19 demi kebaikan bersama. Masyarakat diseru untuk memberi penekanan terhadap kepentingan pemakaian peralatan pengekang dan perlindungan peribadi seperti tali pinggang keledar, kerusi keselamatan kanak-kanak (CRS) dan topi keledar sebelum memulakan perjalanan sebagaimana kita memakai pelitup muka ketika keluar dari rumah.

Tali pinggang keledar telah terbukti mampu melindungi pemandu dan penumpang kenderaan daripada sebarang ancaman pergerakan yang boleh membahayakan ketika berlakunya pelanggaran trafik atau ketika kenderaan berhenti secara mengejut. **Penggunaannya boleh mengurangkan risiko kematian atau kecederaan parah sebanyak 50 peratus manakala penggunaan CRS yang dipasang dengan betul dan sesuai dengan ketinggian serta berat badan kanak-kanak, dapat membantu mengurangkan risiko kematian bayi sebanyak 71 peratus dan 54 peratus bagi kanak-kanak berusia antara satu hingga empat tahun.**

Walaupun semua tempat duduk dalam kenderaan kita kini dilengkapi dengan tali pinggang keledar, kadar pematuhan pemakaian tali pinggang keledar terutamanya di tempat duduk belakang masih rendah dalam kalangan pengguna jalan raya di Malaysia. Kajian MIROS menunjukkan kadar pematuhan pemakaian tali pinggang keledar pada tahun 2020 untuk **pemandu adalah 90 peratus dan 70 peratus untuk penumpang hadapan, tetapi hanya 11 peratus untuk penumpang belakang.**

Video PSA ini merupakan salah satu usaha untuk meningkatkan kesedaran rakyat Malaysia untuk membudayakan pemakaian tali pinggang keledar dan CRS apabila melakukan perjalanan. Pandemik Covid-19 telah membataskan masa kita untuk bersama dengan orang yang tersayang. Maka, bilamana kita sudah boleh bergerak dan melakukan perjalanan untuk bersama mereka, terutamanya di musim perayaan ini, hargailah dan lindungi diri kita demi mereka yang kita sayangi. Mudah sahaja, hanya dengan satu klik, tontonlah video ini untuk menyelamatkan nyawa. Jangan lupa, amalkan pemanduan berhemah, patuhi had laju yang ditetapkan dan elakkan minuman beralkohol jika ingin memandu.

Video PSA ini turut menampilkan Menteri Pengangkutan Malaysia, YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong sebagai penampilan istimewa. Diharapkan dengan penglibatan beliau dalam video ini dapat memberikan impak yang besar dan positif kepada yang menonton video ini. Video ini boleh didapati di laman Facebook dan Twitter MIROS (@mirosroadsafety) dan boleh dimuat turun dengan klik ke pautan ini <https://cloud.miros.gov.my/cloud/index.php/s/nyb7eczzjpB5qko> .

###

Dikeluarkan oleh:

Unit Korporat dan Pengurusan Ilmu

Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS)

Lot 125-135, Jalan TKS 1, Taman Kajang Sentral, 43000 Kajang, SELANGOR

Tel: 012 – 689 6623 E-mel: zakry@miros.gov.my